



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

15 Oct2021 (Friday)

Berita Harian

Kerja selenggara loji rawatan siap	1
NGO dakwa status mengelirukan	2

Utusan Malaysia

Peniaga restoran labur RM1,000 tadah air	3
Penyelenggaraan LRA SSP1 selesai, bekalan air mula disalur	4
Selangor, KPKT bincang isu lif rosak	5
Digoda pondan ketika berdakwah	6

Harian Metro

Gesa perjas status Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah	7
Kecut tengok cctv	8
Kerja tambah baik aset LRA selesai	9
Kod kuning Sungai Gong	10
KDA FC mantapkan keserasian	11

Kosmo

CCTV selesaikan masalah pembuangan sampah haram	12
Kolang terbakar, Sungai Gong nyaris tercemar	13

Sinar Harian

Wujud persekitaran bersih	14
Pengguna mula terima bekalan air bermula Khamis, Jumaat	15

AlHijrah

Gangguan Air : Lima Peratus Kawasan Terima Bekalan Petang tadi	16
--	----

Nasional FM (87.7)

Rawatan Air Selangor Fasa Satu SSP1	17
-------------------------------------	----

Selangor TV

Alami Masalah Kesihatan, MBI Bantu Gmie Screen	18
MB Agih Air Minuman Kepada Penduduk Flat PKNS PJ	19
MBSA Meterai MoU Dengan Agensi Selangor, Bantu Usahawan Kecil Shah Alam	20
PKPS Sasar 1,000 Usahawan Melalui Agro Ehsan	21

The Star

Country continues to eye technology-oriented investments	22
MBPJ MATTERS	23
MBSA MOBILE OFFICE	24
A fine reason for a staycation	25
Parking complex in PJ New Town goes cashless	26
National Sports Day celebrations in Klang Valley	27

New Straits Times

Swift action by Luas prevents another water cut in Klang Valley due to pollution	28
WATER SUPPLY RESTORED IN STAGES	29

The Sun



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



No end in sight yet to water woes in Selangor	30
China Press	
Menteri Besar of Selangor together with 2 State Councillors went to Seksyen 17 Petaling Jaya to distribute drinking water	31
Shah Alam Community Forest urges the Selangor government to explain the removal of the gazette from the Bukit Cherakah Forest Reserve	32
Sungai Gong showed foam and smelled like soap, which turned out to be sewage from the fire fighting process	33
New Town Parking goes cashless with Touch 'n Go card and credit card payment	34
Ng Sze Han fights to get Puchong Indah PPV reopened to make it more convenient for parents	35
RM100,000 to repair Langat River embankment, expected to be completed by the 15th of next month	36
Menteri Besar: Replacing obsolete water pipe valves; durability can last up to 27 years	37
Sin Chew Daily	
MBPJ Kompleks A multi-storey car park setup 3 type of cashless payment method	38
Plastic factory on fire caused Sungai Gong polluted, LUAS have solved and the water treatment plant was operate as usual	39
Selangor MB: Must replace the old water pipes to avoid water pipes broken caused water outage	40
Selangor MB: The upgrade construction was run smoothly, 60 to 70% areas resume water supply	41
Nanyang Siang Pau	
Fire incident at a factory; waste water from resue efforts flows into river; foam at Sungai Gong reveals that the river has become polluted again	42
Repairs completed on the Phase 1 Water Treatment Plant; water supply in every area of Selangor and Kuala Lumpur is restored in phases	43
Guang Ming Daily	
Klang garbage issue improved ; useless with people's advises but CCTV is effective in curbing the issue.	44
MBPJ Kompleks A parking area launches cashless parking service	45
Sungai bakau was polluted ; white foam with soap smell appears	46



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
15 October 2021		
Akhrar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kerja selenggara loji rawatan siap
Muka Surat	:	14

Kerja selenggara loji rawatan air siap

Rawatan distabil, bekalan mula disalurkan jam 5 petang semalam

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi dan Omar Ahmad bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerja penyenggaraan aset Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) siap pagi semalam.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri, berkata setakat 6 pagi sistem rawatan air loji itu distabilkan dan bekalan air mula disalurkan 5 petang semalam.

"Tempoh masa gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan terjejas berbeza-beza, bergantung kepada jarak premis

pengguna dan tekanan air pada sistem agihan bekalan air," katanya.

Penduduk di 998 kawasan sekitar Lembah Klang mula mengalami gangguan bekalan air kelmarin berikutan kerja penambahbaikan berkenaan, dengan daerah terbahit antaranya Wilayah Petaling, Klang/Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor.

Elina berkata, Air Selangor terus menggerakkan bantuan air alternatif melalui lori tangki ke premis kritikal seperti hospital, pusat dialisis, Pusat Kuarantin, dan Rawatan COVID-19 (PKRC) dan pusat pemberian vaksin (PPV) serta untuk upacara pengebumian.

Sementara itu, tinjauan BH mendapati beberapa kawasan perumahan sekitar ibu kota, mula tiada bekalan air sejak pagi semalam berikutan kerja penyenggaraan LRA SSP1.

Penduduk Perumahan Awam



Suriyati mengambil air dari tangki disediakan Air Selangor Sdn Bhd, semalam.

(Foto Saifulizlan Tamadi /BH)

Tempoh masa gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan terjejas berbeza-beza, bergantung kepada jarak premis pengguna dan tekanan air pada sistem agihan bekalan air

Elina Baseri,
Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd



Seri Negeri Sembilan, Bandar Baru Sentul mula mengambil air dari tangki yang disediakan Air Selangor sejak pagi semalam.

Penduduk, Mazlan Mustafa, 64, berkata bekalan air terputus awal pagi.

"Saya tinggal di kawasan ini lebih 40 tahun lalu. Hampir setiap tahun timbul masalah bekalan air.

"Harap masalah ini dapat diatasi sepenuhnya kerana saya lihat negeri lain tiada pula isu air seperti yang berlaku di Selangor," katanya.

Suri rumah, Suriyati Son'an, 45, berkata bekalan air menjadi keruh kelmarin dan beliau mula menggunakan bekalan air yang disimpan.

Katanya, bekalan air tiada sepenuhnya pagi semalam dan anaknya mendapatkan bekalan dari tangki yang disediakan di kawasan itu.

"Saya berharap bekalan air di

kawasan ini kembali pulih semula segera dan penduduk tidak perlu lagi mengambil air dari tangki.

"Perumahan ini ramai penduduk yang sudah berusia dan kasihan pada mereka jika masih perlu mengambil air dari tangki," katanya.

Kakitangan swasta, Mohd Izal Mohd Rayis, 21, berkata beliau sejak lahir dan mengakui masalah bekalan air sudah sebatian dengan penduduk.

"Walaupun Air Selangor memaklumkan mengenai ketiadaan air lebih awal, ini tetap menyusahkan penduduk kerana masih perlu mengambil air dari tangki," katanya.

Restoran di Bandar Baru Sentul pula melapik kertas bungkus untuk menghidangkan makanan kepada pelanggan sejak kelmarin bagi menjimatkan penggunaan air.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
15 October 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	NGO dakwa status mengelirukan
Muka Surat	:	22

Penyahwartaan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah

NGO dakwa status mengelirukan

Selangor digesa perjelas proses pemberitahuan dalam warta kerajaan negeri

Oleh Ruwaida Md Zain
 bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan negeri digesa menjelaskan status sebenar penyahwartaan kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah di Seksyen U10, di sini yang didakwa mengelirukan.

Juruucapak Persatuan Rimba Komuniti Shah Alam (SACFS), Teckwyn Lim, berkata pihaknya mengharapkan satu pertemuan dengan EXCO Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian berhubung isu itu.

"Kenyataan Loy Sian bertarikh 24 September lalu merujuk kepada sebuah lakaran peta pewartaan PW1443 dinyatakan

sebagai bukti, tetapi kami tidak menemukan sebarang maklumat mengesahkan proses penyahwartaan itu sudah dilakukan.

"Jadi, lebih baik jika kami dapat bertemu dengan Yang Berhormat (YB) dan pihak YB beri satu tarikh janji temu awal supaya kekeliruan isu ini dapat dijelaskan segera," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyerahkan permohonan janji temu itu kepada wakil pejabat EXCO itu di pintu masuk utama Bangunan SUK, semalam.

Lim berkata, dalam Enakmen Perhutanan Selangor 1985, penyahwartaan hutan simpan kekal wajib diterbitkan dan disempurnakan melalui proses pemberitahuan di dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor.

"Undang-undang menyatakan semua penyahwartaan hutan simpan kekal wajib diterbitkan dalam Warta Kerajaan Negeri, tetapi peta PW1443 itu tidak pernah diterbitkan, sama ada dalam Warta Kerajaan Negeri, surat khabar atau apa juga media.

"Oleh itu, ia adalah salah un-



Lim (dua dari kanan) menyerahkan memorandum kepada wakil pejabat EXCO Pelancongan dan Alam Sekitar Negeri Selangor di pintu masuk utama Bangunan SUK, Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

tuk menyatakan PW1443 adalah bukti penyahwartaan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah.

"Kami juga mendapatkan satu salinan peta terbitan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Selangor ber-

nombor PW1443. Walaupun peta ini memang menunjukkan kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah, ia tidak sama dengan kandungan dokumen Pemberitahuan Warta yang diterbitkan dalam Warta Kerajaan

Negeri Selangor 2006," dakwanya.

Lim berkata, SACFS juga mendesak untuk arahan henti kerja dilaksanakan di kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah sehingga penyelesaian masalah itu dan kata putus dikeluarkan.

Pada 24 September lalu, Loy Sian memaklumkan projek pembangunan berhampiran Bukit Cerakah dan Hutan Komuniti Shah Alam berada di luar kawasan hutan simpan kekal.

Katanya, kawasan hutan simpan kekal yang paling hampir dengan pembangunan itu adalah HSKBC dan Hutan Simpan Bukit Cerakah Tambahan.

"Hutan simpan ini dinyahwarta beberapa kali sejak 1976 bagi tujuan pembangunan seperti Bandar Puncak Alam, Alam Budiman, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam dan lain-lain. Kini, Hutan Simpan Bukit Cerakah yang masih kekal adalah seluas 1,298.86 hektar dan masih diuruskan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dalam kelas Hutan Perlindungan," katanya.



KERATAN AKHBAR
15 October 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Peniaga restoran labur RM1,000 tadah air
Muka Surat	:	13

Peniaga restoran labur RM1,000 tadah air

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS
 utusannews@mediamula.com.my

KLANG: Peniaga sebuah restoran di Taman Sri Andalas di sini memberitahu sanggup berbelanja hampir RM1,000 bagi memastikan perniagaannya dapat diteruskan sepanjang gangguan bekalan air yang dijangka berlangsung sehingga esok.

Tadahan itu dibuat untuk memastikan keperluan terhadap operasi perniagaan tidak terganggu termasuk aspek kebersihan kedai selain untuk kegunaan dalam masakan dan minuman.

Perkara itu dikongsikan pemilik Restoran An-Nur, Mohd. Shahrin Mohd.Tamin, 43, yang memberitahu, modal itu dibelanjakan bagi membeli dua tong besar, bekalan air mineral serta membaiki tangki simpanan air premisnya supaya gangguan berkenaan tidak menjejaskan perniagaan.

"Selepas pandemik Covid-19, restoran saya baru mula beroperasi. Sekarang, ada masalah gangguan bekalan air berjadual pula.

"Mujur ada 10 hari lebih notis dari Pengurusan Air Selangor (Air Selangor) sebelum air dihentikan perkhidmatan, sekurang-kurangnya inilah persediaan yang kami boleh buat," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, Pengurusan Air Selangor (Air Selangor) mengumumkan sebanyak 998 kawasan di tujuh wilayah di Lembah Klang dijangka mengalami gangguan bekalan air berjadual selama empat hari bermula 13 Oktober depan.

Gangguan itu ekoran pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan aset kritikal yang akan menyebabkan henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1).

Pengurusan Air Selangor Sdn.



MOHD. Shahrin Mohd.Tamin (kanan) bersama pekerja di restorannya menadah air mengisi air di Restoran An-Nur Taman Sri Andalas di Klang, Selangor hari ini. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

Bhd. (Air Selangor) memaklumkan, kawasan itu melibatkan wilayah Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Gombak, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor.

Justeru, kerja-kerja penyaluran semula air juga dilaporkan dapat dibuat lebih awal dan pengguna mula mendapat bekalan pada petang semalam secara berperingkat dan penyelesaian keseluruhan dijangka esok pukul 9.00 malam.

Dalam pada itu, seorang peniaga sebuah warung di daerah ini, Aiman Sirago, 41, berharap masalah berkenaan selesai lebih awal dan tiada lanjutan gangguan bekalan air seperti yang pernah berlaku pada tahun-tahun sebelum ini.

"Harap selepas tiga hari, segala gangguan bekalan air berjadual akan berakhir. Kalau siap lebih cepat, lagi baik, sebab jika lambat, maka kos membeli air semakin meningkat," ujarnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

15 October 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Penyelenggaraan LRA SSP1 selesai, bekalan air mula disalur
Muka Surat	:	13

Penyelenggaraan LRA SSP1 selesai, bekalan air mula disalur

SHAH ALAM: Pengguna di 998 kawasan yang terlibat dengan gangguan air sejak kelmarin dijangka mendapat semula bekalan air secara berperingkat mulai petang semalam.

Pengurusan Air Selangor Berhad (Air Selangor) dalam satu kenyataan memberitahu, peng-

guna mulai dapat bekalan air pada pukul 5 petang, namun bergantung kepada tekanan air di kawasan terjejas.

“Selain itu, faktor muka bumi, jarak jajaran paip dan jarak lokasi premis pengguna akan menentukan tempoh air mula boleh dibekalkan,” ka-

tanya.

Tambah kenyataan itu, Air Selangor berharap para pengguna yang mendapat bekalan air akan menggunakan air secara berhemat bagi memastikan proses pemulihan di kawasan yang masih terjejas berjalan lancar seperti

dijadualkan.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, proses kerja penyelenggaraan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1) berjalan lancar sejak dilaksanakan bermula pukul 9 pagi kelmarin melibatkan 18 kerja uta-

ma termasuk sembilan di LRA berkenaan.

“Alhamdulillah, semua kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan selesai lebih awal berbanding jadual asal iaitu pada pukul 11 malam,” katanya ketika ditemui selepas meninjau LRA itu.



KERATAN AKHBAR		
15 October 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Selangor, KPKT bincang isu lif rosak
Muka Surat	:	13

Selangor, KPKT bincang isu lif rosak

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor akan membincangkan isu kerosakan lif di Pangsapuri Seri Perantau, Pelabuhan Klang dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk tindakan susulan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan negeri, Rodziah Ismail berkata, pihaknya mengambil maklum mengenai masalah itu yang diterima pihaknya sejak dua bulan lalu.

“Kita sudah menyampaikan dan merujuk kepada KPKT mengenai isu lif berkenaan.

“Justeru, perbincangan dan perkongsian antara kedua-dua pihak adalah lebih baik terutama melibatkan faktor peruntukan,” katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran Sistem Hartanah Berstrata Pintar Selangor (SISP) di sini, semalam.

Utusan Malaysia semalam melaporkan, masalah lif dan tangki air di pangsapuri itu menambah keperitan pen-

duduk terutama warga emas ketika berlakunya gangguan bekalan air bermula semalam.

Kesulitan itu dihadapi berikutan hanya satu lif di setiap 12 blok pangsapuri berkenaan berfungsi selain beberapa tangki didakwa rosak sejak sekian lama menyebabkan lebih 8,000 penduduk terpaksa bersesak mendapatkan bekalan air sekiranya mahu mengambil bekalan dari lori tangki air.

Jelas Rodziah, pihaknya menyedari keadaan lif di kawasan perumahan itu agak teruk.

“Sebuah lif yang berfungsi di setiap blok pangsapuri itu juga hasil bantuan dan tindakan oleh kerajaan negeri.

“Namun, kita turut perlu memberi tumpuan kepada pembaikan lif yang masih tidak beroperasi,” katanya.

Untuk rekod, Pangsapuri Seri Perantau terbahagi kepada dua fasa yang menempatkan sebanyak 1,656 rumah masing-masing setinggi lapan dan sembilan tingkat.



PENGERUSI Blok D, Pangsapuri Seri Perantau, Zainul Abidin Abu Hassan (kanan) Setiausaha Jawatankuasa Penduduk, Shamsul Anuar Abdul Halim (kiri) sedang menampal notis peringatan berikutan kerosakan lif di sana ketika tinjauan isu gangguan bekalan air di Selangor sehingga Sabtu ini. - UTUSAN / ZULFADHLI ZAKI



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
15 October 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Digoda pondan ketika berdakwah
Muka Surat	:	24

DALAM keadaan sekampung, apakah keperluan dakwah di jalan (di street) terutama dalam menghadapi golongan yang jarang ke masjid dan surau.

HANAFIAH di bawah jilatan ini amat penting. Sebaharapa, asal usul dakwah Nabi Muhammad SAW kepada penyembah berhala juga adalah se-ala berpengantar pengantar. Dakwah oleh Nabi Muhammad SAW adalah dakwah jilatan.

Malah keperluan dakwah jilatan ini sesuai dengan peredaran Allah yang bermaksud. Kami adalah umat terbaik yang dikehendaki untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah yang mungkar, dan membawa kebajikan, tabi'at. (Rasulullah SAW)

Mengapa hal dakwah jilatan terdahulu golongan transgender, lesbian, gay dan bi seks (LGBT) memang nampaknya mereka dah kurang di lorong lorong. Ini mungkin kerana prosedur operasi standard (SOP) dalam Covid-19.

Namun apabila sudah sampai fasa pemulihan kegiatan di peringkat berlatihan. Malah ekonomi juga sudah berkembang jadi ada kemungkinan mereka akan kembali ke jilatan.

Jadi kita akan terkejut dakwah begini. Malah pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sudah lakukan dakwah ini lebih 15 tahun dan yang terdahulu dalam dakwah ini lebih 10 tahun.

Jabatan jabatan agama Islam negeri negeri pun melaksanakannya. Cuma ia tidak dipromosikan untuk juga ab-amerika.

Berdakwah itu adalah panggilan menjadi baik baik dan mengagungkan. Rantai yang terbitul dalam mengajik yang media/tepa menyempur kelengkapan masih kecil. Iga karaman memperbaiki keadaan baik.

Dakwah adalah perkhidmatan bahasa Arab yang bermaksud mengajik, menyera. Bila sebeti zaid berakwah seperti yafid, tu saah al' iman tali, tu berakwah bila nak jadi imam. Nabi SAW yang terbitul berakwah mudi berakwah.

Berdakwah menyera kebalikan dengan kasih sayang. Menengah kemungkar dengan tegakan undang-undang. Undang-undang sedia ada yang masih lemah mesti dipertingkatkan.

Buat undang-undang agar tidak oleh dicabar dan dipromosikan oleh mana mana.

Digoda pondan ketika berdakwah

MUKADIMAH

BERDAKWAH adalah tugas semua umat Islam. Maksud wajib berdakwah atau setiap orang itu dapat difahami berakwah ba'da daripada Abdullah Ibnu Amir bahawa Rasulullah SAW berakwah yang bermaksud (yang mengajik-anak-anak) dengan cara yang lebih baik. (Ibn Nafis 121)

Wartawan: MOHD. RAZDI MOHD. ZIN memembual perunding motivasi dan pendakwah bebas, **MUHAMMAD HANAFIAH ABDUL MALEK** bagi mengajik suai ini.

Beliau juga adalah penganjur Perubahan Amal Firdaus (PAF) untuk HIV/AIDS, golongan mak-nyah dan gay. Beliau juga adalah Presiden SU Biker Malaysia.

pihak. Jadi keralah bijak. Kuasa sudah ada di tangan, gunalah. Jangan hanya pandai bertalkaw. Apabila sudah cukup kemangkaran kita tempok ke luar dan later later masalahnya dalam media sosial sampai ada yang boleh mendedahkan sebahagian tubuh badan tapi tak ada tindakan.

Sebaliknya pihak berkuasa mesti bekerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan jabatan jabatan agama boleh kemari tindakan terhadap mereka yang membuat media dalam media sosial yang boleh membahai ke arah maksiat. Itu penting.

Kita bakti saeser jika tidak ia akan berakwah dan jadi biasa dalam media sosial dan tak dianggap sebagai dosa.

Kita kena ada formula

serampang tiga mata atau kisah, kejayaan antara Kementerian (berbagai) kegunaan dan kemudi. Inya Allah, masalah ini akan selesai.

Kita keralah mereka (p) pengasasan, tindakan berakwah kausang sebahagian ikin pernah buat dalam program Mahkoyim.

Ragi penterangan yang Allah berakwah mereka, bagaimana Nahi SAW menyangi kemudi ini umat. Apa samalah nabi kita buat program ini (tapi hari dua malam. Pernah berakwah pada 12 hingga 14 Mac di Pusat Pertahanan Alahid Melayu, 10 tahun lalu.

Program Mahkoyim adalah arahan besama Jabatan Keagamaan, Sosial dan Kormatari (KSK) Islam dan jabatan agama Islam negeri berakwah zakariah dengan pendekatan harmoni dan holistic.

Kawakw ini memang kena berpandangan antara makud dan ogah kemangkaran. Tanpa kesesuaian kita hanya suka makud tetapi mengajik dibas. Kalau undang-undang pun boleh diubah ini memajukan kita lemah.

Tingap sampai mitalnya jabatan agama Islam khalid di maklukannya daci sudur terkhalid. Ini tunjukkan kita kena

Sebaliknya kita kena



USTAZ Jafri Abu Bakar Mahmood membaca doa dalam Kembara Dakwah dan program Jom Cuci Masjid di Kuala Kangsar. Perak pada 2019. Turut sama, Hanafiah Abdul Malek (tempat dari kanan) dan Ahd. Rani Kullup.

tunjuk yang Islam ini rajam. Baik dari segi dakwah dan cukup dalam hal menengok kemangkaran.

Baru-baru ini, Perlis mengemukakan golongan mak-nyah atau transgender (TG) sebagai masalah perundangan. Namun, dalam kita mengajik golongan ini yang perlu dihalang untuk menjilakan golongan ini dengan agama?

Tindakan Perlis yang kawakan golongan LGBT yang masih ada kecekatan jantina adalah baik.

Tetapi kita pernah dalam kerjasama melalui unit KSK Islam dan Jabatan Agama Islam Pahang (JAPI) dalam program

Mahkoyim di Semang Apitok. Ketika itu, seramai 40 mak-nyah dibawa oleh jamaat dan sempat mengajik golongan itu yang tidak kecekatan jantina malah keluar rumah dan mereka dikawal oleh pegawai agama tertentu.

Apabila sudah tunjukkan perubahan positif kita akan berakwah mereka. Itu yang dilakukan melalui kerjasama KSK, Jakim dan jabatan agama negeri negeri. Antaranya Sabah, Melaka, Pahang dan Kelantan.

Kami juga pernah buat training for trainers untuk semua pendakwah dan pegawai agama di bahagian negeri termasuk Sabah. Latihan ini mengenai bagaimana mengajik LGBT, gabungan, pengarah dan golongan pelepas.

Alhamdulillah memang ramai yang kita saah dekati sejak 2011. Banyak yang berjaya berakwah dan kembali kepada Islam.

kembali kepada fitrah Islam, alhamdulillah.

Dengan budak dudul saya ada pengalaman dipukul tetapi kita ada kecekatan jantina. Begitu juga dengan golongan mak-nyah atau podan dia. Kena kuatkan iman berakwah dengan mereka. Mafhum kita adalah Allah bismillah, inya Allah

akan dapat baratan Allah. Kalau di kelas kelas malam, biasa dibinas kerana saya dah dicop sebagai anti-amerika. Namun kita kena baktikan dakwah, yang lain itu serabih pada Allah. Sebab ada mak-nyah yang dibangkitkan kelas, baru ada seorang pengikut dan ada yang langsung tak ada pengikut.

Tugas kita adalah sambung

Para pegawai agama selama bertahun-tahun mereka Malah. Malah agama Islam Selangor (MAGS) turut beri bantuan kewangan dan latihan kemahiran kepada LGBT melalui unit of Agak. Itu bagi mereka yang betul betul nak berakwah daripada tabai lama, awal dan sokong.

Ramai juga yang tidak mahu memelihara anak dakwah. Bagaimana membolehkan anak dakwah dengan betul dan bukannya nakul manusia yang tidak berakwah itu juga termasuk dalam dakwah?

Mungkin anggap ini kerji orang, atau ini lina syaklah kita dari jadi Muslim. Itu mala berakwah satu dari wafir hal. Dulu dalam sebelum masa Islam ada juga anak bintu yang bukas Islam jubah cinta dengan kerendahan Islam.

Orang kafir tak tangap serban besar mana, tabai pangrup mana. Banyak baik karaman tapi mereka lina ataklah kita.

Bila memelihara bagaimana ataklah, bila berakwah bagaimana ataklah kita. Itu juga tugas pertama berakwah dengan cara jamaat makluk agama Islam.

Pada hari ini, ada orang Islam yang perbuatan dia taklay mereka seolah-olah sama dengan bukas Islam, selenggarakan orang kafir raa tak ada bakti perangi orang Islam dengan bukas Islam.

Banyak berakwah dengan luar seperti di Belanda.

Alhamdulillah dengan dakwah hal hal ramai yang tertarik kepada agama Islam yang suci ini. Dakwah hal luar guna buah mangkuk ini boleh dipelihara dapat sokongan daripada para utak dan pendakwah.



DAKWAH bilal hal adalah anara pendakwah terbitul mengajik golongan LGBT kepada Islam.

Berdakwah menyera kebalikan dengan kasih sayang. Menengah kemungkar dengan tegakan undang-undang. Undang-undang sedia ada yang masih lemah mesti dipertingkatkan.

2019

KEMBARA DAKWAH

MASJID AL-FUJUD FELDA MATRA AIR PADANG BESAR, PERLIS

2 NOVEMBER 2019

AYAHANDA RANI KULLUP, USTAZ HANAFIAH, USTAZ JAFRI

ANTARA program dakwah melibatkan Silly Bikerz dan Jom Cuci Masjid di Padang Besar, Perlis pada 2 November 2019.



tugas Rasulullah menyempatkan dakwah, baik bilangan kita serab pada Allah.

Oleh kerana itu, tugas dakwah ini sangat penting sehingga ia menjadi syarat kemaslahatan umat. Umat Islam hanya akan jadi mulia apabila kita melaksanakan tugas ini.

Alhamdulillah, melalui pendekatan dakwah yang serab sebar, kita berjaya okatari 3,800 pengajik dakwah, persembah dan yang terbitul masalah sosial daripada 2002 hingga 2021.

Kita juga dapat kita haru tabi yang mengajik kuar adalah Strategi dakwah saya yaitu melalui hubungan (connection) untuk memudahkan peralihan harta mereka. Ika di jakin ada kaunseling Islam. Kita guna kaedah program ternu, seru-terlalu ini, ada program barata, awal dan sokong.

Para pegawai agama selama bertahun-tahun mereka Malah. Malah agama Islam Selangor (MAGS) turut beri bantuan kewangan dan latihan kemahiran kepada LGBT melalui unit of Agak. Itu bagi mereka yang betul betul nak berakwah daripada tabai lama, awal dan sokong.

Ramai juga yang tidak mahu memelihara anak dakwah. Bagaimana membolehkan anak dakwah dengan betul dan bukannya nakul manusia yang tidak berakwah itu juga termasuk dalam dakwah?

Mungkin anggap ini kerji orang, atau ini lina syaklah kita dari jadi Muslim. Itu mala berakwah satu dari wafir hal. Dulu dalam sebelum masa Islam ada juga anak bintu yang bukas Islam jubah cinta dengan kerendahan Islam.

Orang kafir tak tangap serban besar mana, tabai pangrup mana. Banyak baik karaman tapi mereka lina ataklah kita.

Bila memelihara bagaimana ataklah, bila berakwah bagaimana ataklah kita. Itu juga tugas pertama berakwah dengan cara jamaat makluk agama Islam.

Pada hari ini, ada orang Islam yang perbuatan dia taklay mereka seolah-olah sama dengan bukas Islam, selenggarakan orang kafir raa tak ada bakti perangi orang Islam dengan bukas Islam.

Banyak berakwah dengan luar seperti di Belanda.

Alhamdulillah dengan dakwah hal hal ramai yang tertarik kepada agama Islam yang suci ini. Dakwah hal luar guna buah mangkuk ini boleh dipelihara dapat sokongan daripada para utak dan pendakwah.



KERATAN AKHBAR

15 October 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Gesa perjelas status Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah
Muka Surat	:	12

Gesa perjelas status Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah

Shah Alam: Kerajaan negeri digesa menjelaskan status sebenar penyahwartaan kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah (HSKBC) di Seksyen U10 di sini yang didakwa menge-lirukan.

Jurucakap Persatuan Rimba Komuniti Shah Alam (SACFS), Teckwyn Lim berkata, pihaknya mengharap-kan satu pertemuan dengan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian bagi mengetahui perkara sebenar.

"Kenyataan Hee bertarikh 24 September lalu merujuk kepada lakaran peta pewartaan PW1443 dinyatakan sebagai bukti, tetapi kami tidak menemukan sebarang maklumat yang mengesahkan proses penyahwartaan itu sudah dilakukan.

"Jadi, lebih baik jika kami dapat bertemu dengan Hee supaya kekeliruan isu ini dapat dijelaskan dengan segera," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas menyerahkan permohonan temu janji itu kepada wakil pejabat Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Alam Sekitar di pintu masuk utama Bangunan SUK, kelmarin.

Lim berkata, dalam Enakmen Perhutanan Selangor 1985, penyahwartaan hutan simpan kekal wajib diterbitkan dan disempurnakan melalui proses pemberitaan di dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor.

"Undang-undang menya-

takan semua penyahwartaan hutan simpan kekal wajib diterbitkan dalam Warta Kerajaan Negeri, tetapi peta PW1443 itu tidak pernah diterbitkan sama ada dalam Warta Kerajaan Negeri, surat khabar atau apa juga media.

"Oleh itu, ia adalah salah untuk menyatakan PW1443 adalah bukti penyahwartaan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah. Kami juga mendapatkan salinan peta terbitan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) Selangor bernombor PW1443. Walaupun peta ini memang menunjukkan kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah namun tidak sama dengan kandungan dokumen Pemberitahuan Warta yang diterbitkan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor 2006," dakwanya.

Lim berkata, SACFS juga mendesak untuk arahan henti kerja (*stop-work order*) dilaksanakan di kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah sehingga penyelesaian kepada masalah ini dan kata putus dikeluarkan.

Pada 24 September lalu, Hee memaklumkan projek pembangunan berhampiran Bukit Cerakah dan Hutan Komuniti Shah Alam berada di luar kawasan hutan simpan kekal.

Katanya, kawasan hutan simpan kekal yang paling hampir dengan pembangunan itu adalah HSKBC dan Hutan Simpan Bukit Cerakah Tambahan.



KERATAN AKHBAR
15 October 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kecut tengok cctv
Muka Surat	:	12

Kecut tengok **CCTV!**

Kamera tangani pembuangan sampah secara haram di Klang

Oleh Ruwaida Md Zain
 am@metro.com.my

Klang

Tiada lagi longgokan sampah haram atau kelibat individu tidak bertanggungjawab membuang sampah sejak Majlis Perbandaran Klang (MPK) memasang kamera litar tertutup (CCTV) di dua lokasi 'panas' iaitu Jalan Kebun Nenas dan Jalan Papan di sini.

Yang Dipertua MPK, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata, isu sampah haram di dua lokasi 'panas' di daerah Klang akhirnya menemui jalan penyelesaian dengan pemasangan 10 unit CCTV.

"Enam CCTV dipasang di Jalan Kebun dan empat di Jalan Papan berjaya menangani isu berkenaan yang berlaku sejak sekian lama di situ.

"Keberkesanan pemasangan itu dapat dilihat apabila hingga September lalu tiada tindakan sitaan kenderaan membuang sampah haram berbanding 16 tindakan diambil tahun lalu," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Selain pemasangan CCTV katanya, rondaan oleh Jabatan Perkhidmatan Persekitaran (JPP) MPK juga banyak membantu di samping pelbagai aktiviti dan program pencegahan bersama komuniti.

"Inisiatif ini selaras dengan matlamat kita untuk



PENGUAT KUASA MPK menahan beberapa individu membuang sampah secara haram di Jalan Kebun.



memastikan kebersihan dan kesejahteraan masyarakat terjamin sepanjang masa," katanya.

Ahmad Fadzli berkata, pada Oktober tahun lalu, MPK mengumumkan pemasangan CCTV itu dalam

usaha memantau pembuangan sampah haram sepanjang dua kilometer di Jalan Kebun Nenas.

"Langkah proaktif itu berjaya dilakukan bagi mengesan dan menggerunkan pelakunya seterusnya

membersihkan kawasan terbabit daripada sampah.

"Pembuangan sampah haram sejak sekian lama itu didapati menimbulkan bau kepada penduduk terutamanya di sekitar Taman Sentosa," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 October 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kerja tambah baik aset LRA selesai
Muka Surat	:	12

Kerja tambah baik aset LRA selesai

Shah Alam: Kerja penambahbaikan dan penyenggaraan aset kritikal di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) siap dilaksanakan jam 5 pagi semalam.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) berkata, sehingga jam 6 pagi, sistem rawatan air di LRA SSP1 sudah distabilkan dan bekalan air mula disalurkan ke sistem agihan bekalan air.

"Bekalan kepada pengguna akan mula disalurkan secara berperingkat jam 5 petang hari ini (semalam)," menurut ke-

nyataan itu.

Bagaimanapun, katanya, tempoh masa gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan terjejas berbeza.

"Ini bergantung kepada jarak lokasi premis pengguna dan tekanan air pada sistem agihan bekalan air.

"Air Selangor terus menggerakkan bantuan air alternatif melalui lori tangki ke premis kritikal seperti hospital, pusat dialisis, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) dan pusat pemberian vaksin (PPV) serta upacara pengeboman," katanya.

Bekalan kepada pengguna mula disalurkan secara berperingkat jam 5 petang



CAWAN kertas dan plastik digunakan untuk makan dan minum ekoran gangguan bekalan air di sebuah restoran di Jalan Sultan Azlan Shah, Sentul. Kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan aset kritikal akan menyebabkan henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa Satu (LRA SSP1).



KERATAN AKHBAR
15 October 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kod kuning Sungai Gong
Muka Surat	:	21

Kod Kuning Sungai Gong

Oleh Norzamira
 Che Noh
 am@hmetro.com.my

Luas ambil tindakan segera elak LRA terpaksa henti tugas

Shah Alam

Lembaga Urus Air Selangor (Luas) mengesan air Sungai Gong, Rawang berbuih serta berbau seakan sabun sekitar jam 11 pagi kelmarin susulan insiden kebakaran membabitkan sebuah premis kilang gudang plastik dekat Sungai Bakau.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian berkata, Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Rawang menerima panggilan kecemasan berhubung kebakaran berkenaan jam 3 pagi dan kerja memadam kebakaran selesai jam 4 petang kelmarin.

Katanya, siasatan Luas mendapati air sisa pemada-

man kebakaran itu memasuki aliran longkang yang berhampiran dan seterusnya ke Sungai Gong.

"Luas kemudian mengaktifkan Kod Kuning berdasarkan Manual Kecemasan Pencemaran Sumber Air bagi siasatan secara menyeluruh di kawasan terbabit yang berisiko menyebabkan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang.

"Anggaran jarak lokasi insiden berkenaan ke muka sauk Rantau Panjang adalah 13 kilometer (km) dengan tempoh perjalanan sembilan jam untuk pencemaran sampai ke muka sauk berkenaan.


"Pensampelan bau yang dilaksanakan di dua lokasi berbeza iaitu di Sungai Sembah dan Sungai Selangor

mencatatkan kadar bau sifar ton sehingga jam 2.30 petang (kelmarin).

"Bagaimanapun, peningkatan bau sehingga satu ton dikesan jam 6.30 petang di jambatan Sungai Sembah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Susulan itu, katanya, Luas meningkatkan inisiatif pencegahan dengan metakkan tujuh beg *Activated Carbon* (Serbuk Karbon Teraktif) di alur longkang sebelum ke Sungai Bakau sebagai langkah kawalan pencegahan pencemaran.

Jelasnya, Luas juga mengaktifkan Operasi Pengepaman Air Kolam, Bestari Jaya dan HORAS 600 dengan jumlah kapasiti 1070 juta liter sehari (1LH) jam 6.30 petang bagi tujuan



LUAS mengesan air Sungai Gong, Rawang berbuih dan berbau seakan-akan sabun susulan kebakaran sebuah kilang gudang plastik dekat Sungai Bakau, kelmarin.

meningkatkan faktor pencairan (*dilution factor*) sungai.

"Langkah-langkah mitigasi susulan dan pemantauan rapi dengan pemantauan statik di

Sungai Sembah dilaksanakan dan sehingga jam 9.30 malam tadi (kelmarin), Air Selangor mengesahkan bacaan bau di LRA adalah sifar

ton serta tiada gangguan kepada operasi LRA Rantau Panjang serta LRA Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1), SSP2 dan SSP3," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 October 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	KDA FC mantapkan keserasian
Muka Surat	:	45



SKUAD Hijau Kuning kini terus fokus semua sudut.

Alor Setar: Naib Juara Liga Super musim 2021 Kedah Darul Aman FC (KDA FC) terus fokus untuk memantapkan keserasian pasukan melalui tiga siri perlawanan persahabatan termasuk dua

aksi bertemu skuad 'ubi muda' sebagai persiapan memulakan semula sambungan aksi Piala Malaysia hujung bulan ini.

Aksi berkenaan bermula dengan perlawanan menen-

gang Skuad Projek FAM-MSN di Stadium UITM Shah Alam pada 15 Oktober dan disusuli perlawanan menentang Skuad Bawah 22 tahun (B-22) negara di Arena MBSJ Subang Jaya pada 18

Oktober ini.

Sebaik melalui dua perlawanan berkenaan, KDA FC juga dijadualkan melengkapkan siri perlawanan persahabatan mereka dalam tempoh rehat ini dengan satu lagi aksi menentang pasukan Perak FC di Stadium Perak, Ipoh pada 20 Oktober.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif KDA FC, Khamal Idris Ali, skuad Hijau Kuning kini terus fokus dalam semua aspek melalui perancangan yang diaturkan bagi memastikan tahap persiapan terbaik dapat dicapai sebelum memulakan aksi sambungan Piala Malaysia menentang Negeri Sembilan FC di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi pada 29 Oktober ini.

"Tempoh sebulan berehat dari aksi perlawanan kompetitif Piala Malaysia ini platform terbaik untuk semua

pemain kembali meningkatkan semula tahap kecergasan yang mereka perlukan melalui siri perlawanan persahabatan diatur.

"Melalui siri tiga perlawanan yang dijadualkan ini, membolehkan pasukan meningkatkan lagi kemampuan dan persefahaman setiap pemain untuk persiapan memulakan kembali Piala Malaysia musim ini.

"Melalui peluang ini juga, membolehkan jurulatih mengenali pasti pemain yang bersesuaian dan mencapai tahap terbaik mereka untuk digandingkan dalam aksi seterusnya pada saingan yang akan bermula hampir dua minggu lagi," katanya.

Khamal juga berkata, penyertaan aksi empat pemain KDA FC iaitu Baddrol Baktiar, Rizal Ghazali, Ariff Farhan dan Fayadh Zulkiffi.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 October 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	CCTV selesaikan masalah pembuangan sampah haram
Muka Surat	:	17

CCTV selesaikan masalah pembuangan sampah haram

KLANG – Tindakan Majlis Perbandaran Klang (MPK) memasang televisyen litar tertutup (CCTV) di dua lokasi pembuangan sampah haram di Jalan Kebun Nenas dan Jalan Papan di sini, berjaya menyelesaikan isu berkenaan daripada terus berlarutan.

Langkah proaktif MPK itu dianggap berkesan memandangkan tiada sebarang tindakan sitaan diambil sepanjang tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

Yang Dipertua MPK, Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata, pihaknya memasang sebanyak 10 CCTV selepas mem-

bersihkan kawasan berkenaan yang dicemari sisa buangan pada tahun lalu.

Katanya, kesemua CCTV masing-masing enam di Jalan Kebun Nenas dan empat di Jalan Papan itu bertujuan menangani isu sampah haram yang berlaku sejak sekian lama.

"Keberkesanan pemasangan itu dapat dilihat apabila tiada tindakan sitaan kenderaan membuang sampah diambil sehingga September lalu.

"Keadaan itu nyata berbeza apabila sebanyak 16 tindakan sudah diambil pada tahun lalu," katanya dalam kenyataan di sini semalam.



ANGGOTA penguat kuasa memeriksa sebuah kenderaan yang disyaki membuang sisa pepejal secara haram di sekitar Klang.



KERATAN AKHBAR
15 October 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kolang terbakar, Sungai Gong nyaris tercemar
Muka Surat	:	18

Tindakan pantas LUAS elak gangguan bekalan air **Kilang terbakar, Sungai Gong nyaris tercemar**

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**

SHAH ALAM – Tindakan pantas pihak berkuasa mengesan pencemaran Sungai Gong, Rawang dekat sini berjaya mengelakkan Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang dihenti tugas yang boleh menyebabkan gangguan air kepada pengguna di Selangor.

Kejadian itu dikesan pada pukul 11 pagi selepas Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengesan buih dan bau seakan-akan sabun di sungai itu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian berkata, pencemaran berlaku ekoran insiden kebakaran melibatkan sebuah premis kilang gudang plastik di Sungai Bakau, Rawang.

Katanya, berdasarkan maklumat, Balai Bomba dan Penyelamat Rawang telah menerima panggilan kecemasan berhubung kebakaran tersebut pukul 3 pagi dengan kerja pemadaman selesai sejam kemudian.

"Siasatan LUAS mendapati air sisa pemadaman kebakaran tersebut telah memasuki aliran longkang yang berhampiran dan seterusnya ke Sungai Gong.

"LUAS telah mengaktifkan Kod Kuning berdasarkan Manual Kecemasan Pencemaran Sumber Air bagi siasatan secara menyeluruh di kawasan terlibat yang berisiko menyebabkan henti tugas LRA Rantau Panjang," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, jarak antara lokasi insiden ke muka sauk Rantau Panjang adalah kira-kira 13 kilometer dengan tempoh dianggarkan perjalanan selama sembilan jam untuk pencemaran sampai



KAKITANGAN LUAS meletakkan serbuk karbon teraktif bagi menghalang pencemaran memasuki Sungai Bakau di Rawang semalam.

ke muka sauk tersebut.

Tambah Loy Sian, persampelan bau yang dilaksanakan di dua lokasi berbeza iaitu Sungai Sembah dan Sungai Selangor mencatatkan kadar bau sifar ton sehingga pukul 2.30 petang semalam.

"Walau bagaimanapun, peningkatan bau sehingga 1 ton dikesan pukul 6.30 petang di Jambatan Sungai Sembah.

"Tujuh beg serbuk karbon teraktif telah diletakkan di alur longkang sebelum ke Sungai Bakau sebagai langkah kawalan pengega-

han pencemaran," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan LUAS juga telah mengaktifkan Operasi Pengumpulan Air Kolam, Bestari Jaya dan HORAS 600 dengan jumlah kapasiti 1,070 juta liter sehari pukul 6.30 petang.

"Sehingga pukul 9.30 malam semalam, pihak Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd telah mengesahkan bacaan bau di LRA adalah sifar ton dan tiada gangguan kepada operasi LRA Rantau Panjang, Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3," katanya.



KERATAN AKHBAR
15 October 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Wujud persekitaran bersih
Muka Surat	:	14

Wujud persekitaran bersih

IPD Kuala Langat
 terima 30 tong
 sampah jenis MGB
 daripada KDEBWM

Oleh ENGGU SHARIFULAZNI

BANTING

KDEB Waste Management (KDEBWM) menyumbangkan 30 tong sampah jenis MGB (120 liter) kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat bagi memenuhi keperluan menjaga kebersihan kawasan berkenaan.

Pengurus Besar Operasi KDEBWM, Mohd Idris Mohamed Yusof berkata, sumbangan tong sampah berkualiti tinggi itu bertujuan bagi memastikan tiada air sisa keluar daripada sampah-sarap tersebut.

"Air yang tercemar itu menyerap ke dalam tanah tetapi ramai yang tidak



Mohd Idris (tiga dari kanan) menyerahkan tong sampah kepada Abdul Raheem (dua dari kiri) di IPD Kuala Langat pada Rabu.

tahu mengenai perkara ini.

"Kami berharap sumbangan ini dapat digunakan sebaiknya dan diletakkan di beberapa tempat untuk memudahkan pihak kontraktor sampah mengutip sampah ke tapak pelupusan," katanya pada sidang akhbar di IPD Kuala Langat di sini.

Tambah Mohd Idris, pihaknya turut mengagihkan tong sampah kepada balai bomba, sekolah, klinik dan kawasan kampung bagi mewujudkan

persekitaran yang bersih.

Sementara itu, Ketua Bahagian Logistik dan Teknologi IPD Kuala Langat, Inspektor Abdul Raheem Eliyas berkata, tong sampah berkenaan akan diletakkan di kawasan strategik supaya ia lebih tersusun.

Ujar beliau, sumbangan itu sebagai tanda sokongan KDEBWM kepada pasukan polis yang sentiasa memastikan kelestarian alam sekitar dan keceriaan bangunan.



KERATAN AKHBAR 15 October 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pengguna mula terima bekalan air bermula Khamis, Jumaat
Muka Surat	:	26

Pengguna mula terima bekalan air bermula Khamis, Jumaat

SHAH ALAM - Sebahagian besar kawasan di Lembah Klang yang mengalami gangguan bekalan air berikutan kerja penyelenggaraan dan pembaikan aset utama air di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) dijangka menerima bekalan air pada Khamis dan Jumaat ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sebahagian kawasan lain pula akan menerima secara berperingkat pada hari berikutnya.

Menurutnya, sebanyak 105 lori tangki dan 18 pili awam akan terus digerakkan dan disediakan kepada pengguna sehingga yang terlibat menerima bekalan air.

“Saya menjangkakan sebahagian besar pengguna akan mula menerima bekalan air pada Khamis dan Jumaat manakala sebahagian lain pula akan menerima secara berperingkat,” katanya yang memuat naik status di Facebooknya pada Khamis.

Amirudin dalam pada itu memberitahu, sebanyak 500 botol air minuman lima liter digahikan kepada penduduk di Pangsapuri PKNS Seksyen 17, Petaling Jaya.

Katanya, pengagihan itu dilakukan beliau bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Gasing, R Rajiv



Amirudin (kanan) mengagihkan botol air minuman kepada penduduk di Pangsapuri PKNS Seksyen 17, Petaling Jaya pada Khamis.

GANGGUAN AIR DI LEMBAH KLANG

dan ADUN Seri Setia, Halimey Abu Bakar.

“Pihak Air Selangor juga telah menyediakan dua tangki statik dengan kapasiti 5,600 liter bagi kegunaan penduduk di kawasan ini,” katanya.

Air Selangor sebelum ini memaklumkan, sejumlah 998 kawasan di sekitar Selangor mengalami gangguan bekalan air berjadual bermula pada Rabu hingga Sabtu ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Suhaimi Kamaralzaman dilaporkan berkata, gangguan itu disebabkan henti tugas LRA SSP1 untuk memberi laluan kepada pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan aset-aset kritikal.

Antara kawasan disenarai terjejas berikutan gangguan bekalan air ialah Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
14 October 2021

Akhbar	:	AlHijrah
Tajuk Berita	:	Gangguan Air : Lima Peratus Kawasan Terima Bekalan Petang tadi
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
14 October 2021

Akhbar	:	Nasional FM (87.7)
Tajuk Berita	:	Rawatan Air Selangor Fasa Satu SSP1
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
14 October 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Alami Masalah Kesihatan, MBI Bantu Gmie Screen
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
